



KENYATAAN MEDIA STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, JANUARI 2024

Penganggur pada bulan Januari terus menurun kepada 567.3 ribu orang, dengan kadar pengangguran 3.3 peratus

PUTRAJAYA, 08 Mac 2024 – Penganggur pada bulan Januari terus menurun kepada 567.3 ribu orang, dengan kadar pengangguran 3.3 peratus, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan pada hari ini dalam siaran **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Januari 2024**. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Mengulas prestasi keseluruhan bagi bulan Januari 2024, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Pasaran buruh negara kekal dalam trend menaik, selari dengan kedudukan ekonomi negara yang terus meningkat dan sejajar dengan perkembangan ekonomi global. Oleh itu, tenaga buruh pada bulan Januari 2024 menunjukkan peningkatan yang berterusan, bertambah sebanyak 0.1 peratus kepada 17.05 juta orang berbanding bulan sebelumnya (Disember 2023: 17.03 juta orang). Kadar penyertaan tenaga buruh pada bulan tersebut tidak berubah iaitu pada 70.2 peratus, seperti pada bulan lalu. Trend positif ini didorong oleh peningkatan berterusan dalam bilangan penduduk bekerja, manakala bilangan penganggur menurun."

Di samping itu, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin juga berkata bahawa bilangan penduduk bekerja terus meningkat, dengan pertambahan sebanyak 0.2 peratus daripada bulan sebelumnya merekodkan 16.48 juta orang (Disember 2023: 16.46 juta). Sementara itu, bilangan penganggur terus menurun, dengan sedikit pengurangan iaitu sebanyak 0.1 peratus kepada 567.3 ribu orang (Disember 2023: 567.8 ribu orang). Kadar pengangguran bulan Januari kekal pada 3.3 peratus seperti direkodkan pada bulan sebelumnya.

Mengulas lanjut mengenai situasi guna tenaga, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Majoriti penduduk bekerja pada bulan Januari 2024 adalah dalam kategori pekerja, merangkumi 75.2 peratus. Kategori ini menunjukkan peningkatan kecil iaitu sebanyak 0.1 peratus, kepada sejumlah 12.39 juta orang berbanding 12.38 juta pada

bulan Disember 2023. Pada masa yang sama, kategori penduduk bekerja sendiri terus mencatatkan trend peningkatan pada bulan tersebut, naik sebanyak 0.3 peratus kepada 3.01 juta orang (Disember 2023: 3.0 juta orang)."

Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan kekal meningkat, terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong dan runcit; Perkhidmatan makanan & minuman; dan Pengangkutan & penyimpanan. Trend yang sama juga dilihat dalam bilangan penduduk bekerja dalam sektor Pembuatan, Pembinaan serta Perlombongan & pengkuarian pada bulan Januari 2024. Bilangan penduduk bekerja dalam sektor Pertanian juga kembali meningkat pada bulan tersebut berbanding bulan lalu.

Mengulas lebih lanjut mengenai situasi pengangguran pada bulan Januari 2024, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa, 79.8 peratus daripada jumlah penganggur adalah mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan, atau penganggur aktif. Kategori ini mencatatkan penurunan sebanyak 0.2 peratus kepada 452.5 ribu orang (Disember 2023: 453.6 ribu orang). Mengikut tempoh menganggur bagi penganggur aktif, 61.7 peratus adalah mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala 6.5 peratus adalah mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun. Sementara itu, penganggur tidak aktif atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan yang tersedia meningkat sebanyak 0.5 peratus mencatatkan 114.7 ribu orang (Disember 2023: 114.2 ribu orang).

Pada Januari 2024, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun kekal pada 10.6 peratus, merekodkan bilangan penganggur belia seramai 306.8 ribu orang (Disember 2023: 10.6%; 307.2 ribu orang). Pada masa yang sama, kadar pengangguran dalam kalangan belia berumur 15 hingga 30 tahun adalah sebanyak 6.7 peratus, dengan 439.7 ribu penganggur belia (Disember 2023: 6.4%; 432.1 ribu orang).

Bagi kumpulan tidak aktif, bilangan penduduk di luar tenaga buruh mencatatkan sedikit penurunan iaitu sebanyak 0.01 peratus kepada 7.23 juta orang pada Januari 2024 berbanding bulan sebelumnya (Disember 2023: 7.23 juta orang). Komposisi utama bagi mereka yang berada di luar tenaga buruh adalah kerja rumah/ tanggungjawab keluarga, merangkumi 42.5 peratus, manakala bersekolah/ latihan berada di kedudukan kedua dengan 40.8 peratus.

Mengakhiri kenyataan tersebut, pada awal tahun 2024, kedudukan ekonomi di Malaysia dilihat stabil, dengan jangkaan permintaan domestik yang lebih tinggi hasil daripada pengurangan inflasi pada Januari, pasaran pekerjaan yang terus kukuh dan kedudukan kewangan yang menyokong. Peningkatan dalam aktiviti pelancongan akan dapat meningkatkan aktiviti ekonomi, sekali gus membawa kepada pelbagai

peluang perniagaan dan juga pekerjaan. Oleh itu, pasaran buruh di Malaysia dijangka bertambah baik dan kekal stabil dalam tempoh beberapa bulan akan datang, dipacu oleh ekonomi domestik yang berdaya tahan. Situasi ini dijangka akan terus menjana peningkatan permintaan tenaga kerja, sekali gus berperanan sebagai pemacu penting untuk menstabilkan ekonomi secara berterusan.

Data siri masa dan maklumat lanjut mengenai pasaran buruh boleh diperolehi melalui papan pemuka Data Interaktif Pasaran Buruh Malaysia (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.



Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Pangkalan Data Utama (PADU) telah dilancarkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari www.padu.gov.my bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian *hotline* berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia: 1-800-88-7720/ 1-800-88-7721
- ii) Aduan online melalui SISPA: <https://padu.spab.gov.my>

Carta 1: Penduduk bekerja, Malaysia, Januari 2021 - Januari 2024



Carta 2: Pengangguran, Malaysia, Januari 2021 - Januari 2024



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
08 MAC 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA, JANUARY 2024

January's unemployed declined further to 567.3 thousand persons, with an unemployment rate of 3.3 per cent

PUTRAJAYA, 08 March 2024 – January's unemployed declined further to record 567.3 thousand persons, with an unemployment rate of 3.3 per cent, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on **Statistics of the Labour Force, Malaysia, January 2024**. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Commenting on the overall performance for January 2024, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The country's labour market sustained its upward trend, in line with the ongoing improvement of the national economic situation and consistent with global economic expansion. Therefore, the labour force in January 2024 saw further enhancement, increasing by 0.1 per cent to 17.05 million persons compared to the previous month (December 2023: 17.03 million persons). The labour force participation rate during the month was unchanged at 70.2 per cent, as in the preceding month. This positive trend was driven by a continuous increase in the number of employed persons, while the number of unemployed persons declined."

In addition, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also said that the number of employed persons continued in an upward trend, with a rise of 0.2 per cent from the previous month to record 16.48 million persons (December 2023: 16.46 million). In the meantime, the number of unemployed persons decreased further, with a marginal drop of 0.1 per cent to 567.3 thousand persons (December 2023: 567.8 thousand persons). January's unemployment rate remained at 3.3 per cent as recorded in the previous month.

Elaborating further on the employment situation, the Chief Statistician Malaysia said, "The majority of employed persons in January 2024 were in the employees' category, constituting 75.2 per cent. This category saw a marginal increase of 0.1 per cent, totaling 12.39 million persons compared to 12.38 million in December 2023. On the same note, the own-account workers category continued its increasing trend during the month, rising by 0.3 per cent to 3.01 million persons (December 2023: 3.0 million persons)."

By economic sector, the number of employed persons in the Services sector remained upward, notably in Wholesale & retail trade; Food & beverage services; and Transportation & storage activities. A similar trend was also observed in the number of employed persons in the Manufacturing, Construction and Mining & quarrying sectors in January 2024. The number of employed persons in the Agriculture sector rebounded during the month compared to last month.

Enlightening further on the unemployment situation in January 2024, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that, 79.8 per cent of the total unemployed persons were those who were available for work and were actively seeking jobs, or the actively unemployed. This category posted a decrease of 0.2 per cent to record 452.5 thousand persons (December 2023: 453.6 thousand persons). By duration of unemployment for the actively unemployed, 61.7 per cent were those who were unemployed for less than three months, while 6.5 per cent were those who were in long-term unemployment for more than a year. Meanwhile, the inactively unemployed or those who believed that there were no jobs available rose by 0.5 per cent registering 114.7 thousand persons (December 2023: 114.2 thousand persons).

In January 2024, the unemployment rate for youth aged 15 to 24 years stood at 10.6 per cent, recording the number of unemployed youths at 306.8 thousand persons (December 2023: 10.6%; 307.2 thousand persons). On the same note, the unemployment rate among youth aged 15 to 30 years was 6.7 per cent, with 439.7 thousand unemployed youths (December 2023: 6.4%; 432.1 thousand persons).

As for the inactivity group, the number of persons outside the labour force posted a slight decline of 0.01 per cent to 7.23 million persons in January 2024 compared to the previous month (December 2023: 7.23 million persons). The major composition of those outside the labour force was housework/ family responsibilities, accounting for 42.5 per cent, while schooling/ training ranked second with 40.8 per cent.

Concluding the statement, in early 2024, the economic situation in Malaysia was observed to be steady, with higher domestic demand anticipated as a result of January's inflation decreases, a robust job market, and supportive financial positions. The increase in tourism activities may improve economic activities, thus lead to various businesses and job opportunities as well. Therefore, the labour market in Malaysia is anticipated to improve and remain stable over the next few months, driven by a resilient domestic economy. This situation is expected to continue to generate increased demand for employment, thus serving as an important key to sustaining economic stability.

Time series data and more information on the labour market can be obtained through the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) dashboard. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.



The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines:

- i) Department of Statistics Malaysia: 1-800-88-7720/ 1-800-88-7721*
- ii) Online Enquiries through SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.*

Chart 1: Employed persons, Malaysia, January 2021 - January 2024





Chart 2: Unemployment, Malaysia, January 2021 - January 2024



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

08 MARCH 2024